



PARLIMEN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT SERAH WATIKAH PELANTIKAN KEPADA PENASIHAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 8 Julai – Satu majlis rasmi penyerahan watikah pelantikan Penasihat Parlimen Belia Malaysia (PBMy) telah diadakan hari ini di Parlimen Malaysia. Penyampaian watikah pelantikan ini telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Seramai 5 orang tokoh yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang telah dipilih bagi pelantikan ini iaitu:

- 1. YBhg. Tan Sri Datuk Seri Borhan bin Dollah - Pengerusi Penasihat**
Mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
- 2. YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Foad bin Sakdan - Penasihat**
Naib Canselor Universiti Utara Malaysia.
- 3. YBrs. Ts. Khairul Anuar bin Ishak - Penasihat**
Pengarah Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.
- 4. YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Noor Haida Mohd Kaus - Penasihat**
Universiti Sains Malaysia
- 5. YBhg. Prof. Madya Dr. Hazman Samsudin - Penasihat**
Penganalisis Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu

Dengan pelantikan tokoh berwibawa ini, PBMy dijangka memasuki fasa baru yang lebih progresif dan strategik. Barisan penasihat ini akan dapat membantu merangka hala tuju, memperkukuh latihan kepimpinan serta membina jaringan berimpak tinggi dalam usaha mengangkat suara belia ke peringkat pembuat dasar negara.

Majlis penuh bermakna ini turut disaksikan oleh YBhg. Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman, Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia, Sekretariat Induk PBMy dan pegawai Parlimen yang hadir sebagai sokongan padu terhadap misi memperkasa kepimpinan generasi muda negara.

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

PARLIMEN MALAYSIA

7 JULAI 2025